



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Tuan : PPKomp/22/01

Rujukan Kami : KPM.600-12/1/4 Jld. 25(92)

Tarikh : 13 Januari 2022

Puan Fatimah binti Mustafa

Pemilik

Fatihah Education Consultants,

No. 10-B, Lorong Wajo,

Parit Keroma, Ayer Baloi,

Pontian,

82100 Johor.

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER 2022

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak puan bertarikh 7 Januari 2022 adalah berkaitan.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak KPM menghargai serta mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini. Walau bagaimanapun, pihak KPM mendapati bahawa pihak penganjur program iaitu **Fatihah Education Consultants** mengenakan bayaran yuran penyertaan sebanyak **RM20.00 bagi seorang murid (kumpulan) dan RM50.00 bagi individu**.

3. Pihak KPM berpandangan bahawa memandangkan pertandingan ini dijalankan secara dalam talian dan mengambil kira status semasa ekonomi rakyat Malaysia ketika ini, yuran yang dikenakan adalah agak tinggi. Selain itu, Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 5 Tahun 2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan KPM jelas menyatakan bahawa pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti termasuk pengangkutan, makan dan minum melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar. Sehubungan dengan itu, pihak KPM **tidak dapat menyokong permohonan** daripada pihak puan.

...2/-

KPM.600-12/1/4 Jld. 25 (92)

4. Perhatian dan makluman pihak puan dalam perkara ini adalah amat dihargai. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-88841174** atau e-mel **rizawani@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. LATIP BIN MUHAMMAD)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Rizawani/Surat_PenolakanProgram_2022/MyDoc